Utusan Borneo: 24 November 2026

Wanita warga emas miliki syabu kena enam bulan

MIRI: Seorang wanita warga emas dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan dari tarikh tangkapan pada 16 September lalu.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Umi Syukriah Harun selepas tertuduh, Molly Asong Sigau, 62, dari Bandar Baru Permyjaya di sini, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.01 gram.

Methamphetaminemerupakan satu item yang tersenarai dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 3 petang, 10 September lalu di sebuah bilik hotel bajet di Jalan Lee Tak di sini.